



**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
*Department of Fisheries Malaysia*  
*Ministry of Agriculture and Food Security*  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI**  
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**  
**62628 PUTRAJAYA**  
**MALAYSIA**

☎ 03-8870 4426  
✉ [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)  
🌐 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(72)

## SIARAN MEDIA

### SABAH PENYUMBANG TERBESAR PENGELUARAN RUMPAI LAUT

**10 MAC 2024, SEMPORNA** -YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan hari ini mengadakan lawatan kerja rasmi ke Sabah bagi melihat dan melawat tapak pengeluaran rumpai laut di Semporna. Lawatan ini bertujuan melihat salah satu penyumbang industri akuakultur kepada profil industri perikanan negara.

Negeri Sabah yang merupakan pulau ke-3 terbesar di dunia, mempunyai kawasan seluas 72,500 kilometer persegi, dikelilingi oleh Laut China Selatan di bahagian Barat, Laut Sulu di bahagian Timur Laut dan Laut Celebes di bahagian Timur. Negeri ini juga berada dalam lingkungan Segitiga Batu Karang (*Coral Triangle*) yang merupakan kawasan biodiversiti tinggi. Memiliki perairan yang luas dan terlindung dari ombak kuat serta subur, Sabah adalah penyumbang utama kepada pengeluaran rumpai laut negara melalui aktiviti akuakultur. Spesies utama yang ditanam di perairan di Sabah ialah *Kappaphycus* dan *Euचेuma*.

Rumpai laut negeri Sabah telah menyumbang kira-kira 54% daripada pengeluaran akuakultur nasional. Pada tahun 2022 ternakan rumpai laut telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 307,972 tan metrik (berat basah) dengan nilai RM247.105 juta dan melibatkan seramai 1,555 pengusaha dengan keluasan 4,464 hektar. Pada tahun 2023, pengeluaran rumpai laut negeri Sabah dianggarkan sebanyak 225,048 tan metrik (berat basah) dengan nilai RM100 juta.

Kawasan utama ternakan ialah Semporna (1,985 hektar, pengeluaran 97.52%), Tawau (447 hektar, pengeluaran 2.38%), Kunak (55 hektar, 0.08%), Lahad Datu (510 hektar, 0.2%) dan Kota Belud (8 hektar).

-TAMAT-

Disediakan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia


Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)

10 Mac 2024



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan